

RINGKASAN EKSEKUTIF



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA MANUSIA

PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 - 2030



TERBUKA



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA MANUSIA

PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 – 2030

JABATAN TENAGA MANUSIA ©

HAK CIPTA TERPELIHARA. TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG ATAU MENCETAK MANA-MANA BAHAGIAN, ARTIKEL, ILUSTRASI DAN ISI KANDUNGAN BUKU INI DALAM APA JUA BENTUK DAN DENGAN APA JUA SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, FOTOKOPI, MEKANIK RAKAMAN ATAU CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

DITERBITKAN OLEH:

BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL (BKT),
JABATAN TENAGA MANUSIA,
ARAS 8, BLOK SETIA PERKASA 4, KOMPLEKS SETIA PERKASA,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530, PUTRAJAYA

ABSTRAK

Pelan Pendigitalan JTM 2025 – 2030 adalah satu pelan tindakan pendigitalan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bagi menyelaraskan aktiviti dan memperincikan hala tuju strategik pendigitalan melalui inisiatif transformasi digital bagi tempoh bermula pada tahun 2025 sehingga tahun 2030.

Pelan ini merupakan pelan induk pendigitalan JTM yang dijadikan sebagai rujukan utama pendigitalan di JTM sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 - 2025, Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Sumber Manusia (PSP KSM) 2021 - 2025, Pelan Strategik Jabatan Tenaga Manusia (PS JTM) 2021 - 2025 serta Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik JTM (KSP JTM) 2021 - 2030.

Strategi dan program pendigitalan yang dirancang adalah bertujuan untuk memanfaatkan teknologi melalui pengukuhan infrastruktur dan aplikasi digital untuk memacu kecemerlangan mutu perkhidmatan JTM yang mampu meningkatkan keupayaan dan kecekapan tadbir urus sumber latihan di samping memperkasa kompetensi digital modal insan JTM.

Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan JTM terus kekal relevan dan berdaya saing sebagai penyedia program latihan pra-pekerjaan dan pekerja sedia ada bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia.



ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia	i
Prakata Timbalan Ketua Pengarah Ketua Pegawai Digital (CDO)	ii
PENGENALAN	1 - 2
KERANGKA PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 - 2030	3 - 6
TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN JTM	7 - 11
PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 – 2030 DENGAN TERAS PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM (PSPSA) 2021 - 2025 DAN TERAS PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (PSP KSM) 2021 - 2025	12 - 14
PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 - 2030 DENGAN TERAS PELAN STRATEGIK JTM 2021 - 2025 / KAJIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK JTM 2021 - 2030	15
STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN JTM	16 - 50
PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENDIGITALAN 2025 HINGGA 2030	51 - 55
PENUTUP	56
PENGHARGAAN	57

AKRONIM

ADTEC	Advanced Technology Training Centre (Pusat Latihan Teknologi Tinggi)
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKT	Bahagian Kawalan Teknikal
BPK	Bahagian Pembangunan Kemahiran
BPL	Bahagian Pengurusan Latihan
BPP	Bahagian Perancangan & Penyelidikan
CDO	Chief Digital Officer (Ketua Pegawai Digital)
CTM	Cawangan Teknologi Maklumat
ILJTM	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia
ILP	Institut Latihan Perindustrian
JiMS	JTM Integrated Management System (Sistem Pengurusan Latihan Kemahiran JTM)
JKIK	Jawatankuasa Induk Kepakaran
JKK	Jawatankuasa Kepakaran Kluster
JMTI	Japan Malaysia Technical Institute (Institut Teknikal Jepun-Malaysia)
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KJP	Kursus Jangka Pendek
KPI	Key Performance Index (Petunjuk Prestasi Utama)
LMS	Learning Management System (Sistem Pengurusan Pembelajaran)
PTA	Projek Tahun Akhir
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
SOC	Security Operation Centre (Pusat Operasi Keselamatan Siber)
UJI	Unit Jalinan Industri
WIM	Written Instructional Material (Bahan Pembelajaran Bertulis)



TRANSFORMASI DIGITAL MEMACU KECEMERLANGAN TVET

PASUKAN GERAK KERJA PELAN PENDIGITALAN JABATAN TENAGA MANUSIA 2025 - 2030

PENAUNG

YBhg. Datuk Rospiagos bin Taha
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia

PENASIHAT

Ts. Kamaruzaman bin Hj. Md. Ali
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia

PENYUNTING

1. Ts. Haji Abu Sallehein bin Nordin
2. Ts. Zahari bin Jusoh
3. Ts. Azlin Haezrina binti Kamarzaman

AHLI

1. Ts. Abd Halim bin Ali Mohammed
2. Ts. Abd Halim bin Hasan
3. Ts. Hajah Junnaina binti Husin Chua
4. Ts. Hajah Junita binti Mohamed Ali
5. Encik Azizul bin Mustafa

PASUKAN URUS SETIA PEMBANGUNAN

1. Ts. Haji Abu Sallehein bin Nordin (Pengerusi)
2. Ts. Zahari bin Jusoh (Timbalan Pengerusi)
3. Ts. Rezawati binti Ismail
4. Ts. Anisah binti Tinguin
5. Ts. Azlin Haezrina binti Kamarzaman (Setiausaha)
6. Puan Norfariza binti Kamaruddin
7. Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary
8. Puan Nurul Azreen binti Aziz
9. Puan Nur Nabilah binti Abdullah
10. Ts. Hajah Amira binti Mohd Noor
11. Encik Nik Syaful bin Nik Mahmud
12. Puan Ieliza binti Johari
13. Encik Saif bin Mohd Ali
14. Ts. Masrina binti Masngut
15. Puan Zalifah Zahani

PASUKAN URUS SETIA PENULISAN

1. Ts. Rhoma Erma bin Zaini
2. Puan Norfariza binti Kamaruddin
3. Ts. Masrina binti Masngut
4. Ts. Azlin Haezrina binti Kamarzaman
5. Encik Ahmad Sallehuddin Sabri bin Mahadi

KETUA PASUKAN KAJIAN PERSEKITARAN ILJTM

1. Encik Muhamad Nazri bin Che Ani (JMTI)
2. Ts. Rahman bin Amirulah (ADTEC Bintulu)
3. Ts. Mohd Sarifuddin bin Othman @ Mustafa (ADTEC Jerantut)
4. Puan Nurul Ain binti Mohd (ADTEC Kemaman)
5. Ts. Ahmad Nazri bin Zainol (ADTEC Kulim)
6. Ts. Nor Mohamad bin Sulong (ADTEC Melaka)
7. Encik Shahrulnizam bin Sharip (ADTEC Shah Alam)
8. Puan Sapura @ Shalieza binti Hashim (ADTEC Taiping)
9. Puan Maslinda binti Hadinan (ADTEC Batu Pahat)
10. Puan Siti Kalthom binti Tasirin (ILP Kuala Lumpur)
11. Encik Ierwan bin Ab Karim (ILP Perai)
12. Encik Hairul Azwani bin Aziman (ILP Pasir Gudang)
13. Encik Mazlysham bin Mohamad (ILP Kuala Terengganu)
14. Puan Lizadiana binti Mohamad (ILP Labuan)
15. Ts. Rhoma Erma bin Zaini (ILP Ipoh)
16. Ts. Suriani binti Rozahan (ILP Kuantan)
17. Ts. Rizza bin Abas (ILP Bukit Katil)
18. Puan Nazariah binti Md Zuki (ILP Jitra)
19. Encik Ezani bin Hassan (ILP Kota Bharu)
20. Ts. Azrul Norazmi bin Abdullah (ILP Tangkak)
21. Puan Intan Sharfinas binti Mohd Nasir (ILP Pedas)
22. Encik Mohd Nazir bin Abdul Manaff (ILP Kangar)
23. Encik Mohammad Hafizan Hanafi (ILP Kota Samarahan)
24. Ts. Joey Eriksen Teo (ILP Kota Kinabalu)
25. Encik Zakaria bin Hamzah (ILP Selandar)
26. Ts. Erlina binti Basharudin (ILP Kuala Langat)
27. Puan Rohaya binti Jaafar (ILP Kepala Batas)
28. Puan Faezatul Azma binti Yusof (ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal)
29. Ts. Mohd Syahrulnizam bin Razali (ILP Mersing)
30. Encik Syafiq Fadhli bin Masbak (ILP Sandakan)
31. Encik Salehhudin bin Sulaiman (ILP Miri)
32. Encik Ahmad Redzuan bin Abu Bakar (ILP Marang)

PASUKAN PENERBITAN

1. Puan Siti Kalthom binti Tasirin
2. Encik Mohd Saiful bin Rahim
3. Puan Siti Jamiah binti Yusof
4. Puan Nor Hanis binti Amiruddin
5. Puan Anis Marhainy binti Mohd
6. Puan Siti Hajar binti Shariff



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam JTM
Dihatiku.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya JTM
telah berjaya membangunkan Pelan Pendigitalan JTM
2025 - 2030.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan
setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan pembangun
Pelan Pendigitalan JTM 2025 - 2030 yang terdiri daripada
pasukan urus setia pembangun di Ibu Pejabat dan ketua
pasukan di ILJTM yang telah dilantik serta semua pihak di
atas usaha dan komitmen yang tidak berbelah bahagi demi
menyiapkan pelan pendigitalan ini.

JTM selaku peneraju dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing,
sentiasa beriltizam dan komited terhadap perubahan landskap ekonomi digital
negara. Pemantapan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mampan dapat
dicapai melalui inisiatif-inisiatif pendigitalan yang dirancang dan dilaksanakan melalui
pelaksanaan program latihan di ILJTM seluruh Malaysia bagi memenuhi keperluan
sektor perindustrian di Malaysia.

Usaha pendigitalan akan memperkasakan keupayaan JTM sebagai penyedia latihan
kemahiran TVET ulung. Keupayaan baharu ini akan mempersiapkan graduan ILJTM
selari dengan kerangka Ekonomi Madani, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan
lain-lain inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan martabat rakyat dan negara.

Akhir kata, saya berharap agar pendigitalan JTM bukan hanya setakat diterjemahkan
sebagai satu dokumen tetapi dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan
kebersamaan agar manfaat ini akan dapat dirasai oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA
KETUA PENGARAH JTM



"Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya"

PRAKATA

TIMBALAN KETUA PENGARAH KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam JTM
Dihatiku.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya JTM
telah berjaya membangunkan Pelan Pendigitalan JTM
2025 - 2030.

Pelan Pendigitalan Jabatan Tenaga Manusia (Pelan
Pendigitalan JTM) merupakan satu dokumen perancangan
khusus pendigitalan jabatan yang telah dibangunkan secara
dalaman bersama dengan pasukan urus setia Bahagian
Kawalan Teknikal (BKT) JTM dan Cawangan Teknologi
Maklumat (CTM) Jabatan Tenaga Manusia serta
bersama-sama ketua pasukan kajian persekitaran dari
seluruh Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)
bermula dari Januari 2024 sehingga Jun 2024.



Pelan Pendigitalan JTM ini menggariskan perancangan dan pelaksanaan inisiatif
strategik pendigitalan yang memberi impak, berdaya saing dan menjadi pemangkin
utama kepada penyampaian perkhidmatan JTM dan ILJTM bagi tempoh bermula 2025
sehingga 2030. Pelan ini melambangkan aspirasi jabatan dalam melaksanakan
transformasi digital bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengurusan
latihan, peningkatan kompetensi modal insan yang berdaya saing dan mutu
perkhidmatan ke tahap yang lebih baik.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen
dan usaha dalam merangka, melaksana dan memastikan sasaran Pelan Pendigitalan
JTM 2025 - 2030 ini dapat direalisasikan.

Akhir kata, jayakanlah perancangan ini dengan penuh keikhlasan dan penuh
komitmen agar usaha untuk mentransformasikan JTM akan menjadi realiti.

Sekian, terima kasih.

Ts. KAMARUZAMAN BIN HJ. MD. ALI
TIMBALAN KETUA PENGARAH JTM
KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO)

PASUKAN URUS SETIA PEMBANGUNAN PELAN PENDIGITALAN JTM



- | | |
|--|--|
| 1. Puan Nur Nabilah binti Abdullah | 8. Ts. Azlin Haezrina binti Kamarzaman |
| 2. Ts. Anisah binti Tinguhan | 9. Encik Saif bin Mohd Ali |
| 3. Ts. Zahari bin Jusoh | 10. Ts. Rezawati binti Ismail |
| 4. Encik Nik Syaful bin Nik Mahmud | 11. Ts. Masrina binti Masngut |
| 5. Puan Norfariza binti Kamaruddin | 12. Ts. Hajah Amira binti Mohd Noor |
| 6. Ts. Haji Abu Sallehein bin Nordin | 13. Puan Ieliza binti Johari |
| 7. Encik Ahmad Sallehuiddin Sabri bin Mahadi | 14. Ts. Rhoma Erma bin Zaini |



1. PENGENALAN

Jabatan Tenaga Manusia, JTM sedang mengorak langkah ke arah transformasi digital di mana inisiatif pendigitalan ini dilihat dapat mengubah pendekatan operasi dan perkhidmatan secara bersepadu dengan sokongan dan penglibatan seluruh Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawahnya.

Dengan misi mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing, JTM bertanggungjawab melaksanakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir negara. Kemajuan teknologi dan kepesatan pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin dipacu oleh pendigitalan mewujudkan peningkatan keperluan tenaga kerja yang bukan hanya kompeten malah mampu berdaya saing dalam mendepani pelbagai perubahan terhadap teknologi kemahiran dan pekerjaan sedia ada.

Demi masa depan latihan yang lebih komprehensif dan berdaya saing, pelaksanaan program latihan kemahiran yang berkualiti di ILJTM diperkasakan menerusi inisiatif pendigitalan. Jabatan sentiasa peka dengan perubahan dan cuba untuk mengurangkan jurang kemahiran dengan memastikan program latihan yang ditawarkan di ILJTM adalah relevan dengan era revolusi perindustrian dan lanskap ekonomi negara terkini ke arah merealisasikan negara digital.

Pelan Pendigitalan JTM 2025 - 2030 telah diterjemahkan sebagai dokumen panduan bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan pendigitalan di JTM dan ILJTM yang merangkumi perkara-perkara berikut : -

- Menetapkan hala tuju pendigitalan JTM selaras dengan perkembangan semasa yang menekankan kepada penyampaian perkhidmatan kerajaan berteraskan digital seperti yang dinyatakan dalam dasar baharu kerajaan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MYDIGITAL), Jalinan Digital Negara (JENDELA), Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 - 2025 dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).
- Menetapkan fokus utama hala tuju pendigitalan JTM dan menyelaraskannya dengan petunjuk utama prestasi (KPI) Pelan Pendigitalan JTM sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Sumber Manusia (PSP KSM) 2021 - 2025, Pelan Strategik Jabatan Tenaga Manusia (PS JTM) 2021 - 2025 serta Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik JTM (KSP JTM) 2021 - 2030.
- Menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan pendigitalan JTM dengan sokongan sistem aplikasi, infrastruktur digital, pembangunan kompetensi modal insan dan tadbir urus pendigitalan.
- Menyediakan pelan tindakan atau *blueprint* yang mengandungi program dan aktiviti pendigitalan yang perlu diambil tindakan untuk mencapai sasaran petunjuk utama prestasi (KPI) sepertimana ditetapkan selaras dengan fokus utama hala tuju JTM bagi tempoh 2025 - 2030; dan
- Memperkasa dengan melengkapkan keperluan pendigitalan JTM yang merangkumi pengguna di Ibu Pejabat dan 33 buah institusi latihan ILJTM seluruh negara.

Walau bagaimanapun, dari aspek kerangka pelan strategik pendigitalan, sepertimana yang terkandung di dalam surat arahan Ketua Setiausaha Negara melalui rujukan MAMPU.600-9/10/2 bertarikh 8 November 2021, dokumen PSP ini seharusnya dibangunkan bersekali dengan pembangunan *Enterprise Architecture* (EA). Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) adalah satu pelan strategik pendigitalan yang mengandungi hala tuju dan garis panduan pelaksanaan strategi program pendigitalan jabatan bagi tempoh lima tahun mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Dokumen PSP mengandungi latar belakang, visi dan misi jabatan, kerangka pelan strategik, penjajaran dengan pelan strategik organisasi bagi tempoh yang baharu, Pelan Strategik Kementerian dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam bagi tempoh yang baharu, hala tuju strategik, pelan tindakan serta pelaksanaan dan pemantauan. Ia juga mengandungi maklumat mengenai petunjuk prestasi dan sasaran dalam tempoh tersebut.

Oleh yang demikian, Pelan Pendigitalan JTM yang telah dibangunkan ini merupakan satu dokumen permulaan pendigitalan jabatan bagi tempoh semasa. Bagi tempoh yang baharu, keperluan pendigitalan jabatan haruslah diselaraskan dengan hala tuju pendigitalan jabatan untuk tempoh baharu dan dasar pendigitalan semasa organisasi, kementerian dan sektor awam mengikut garis panduan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Digital Negara (dahulunya dikenali sebagai MAMPU).


“Penerimgunaan teknologi digital secara meluas dan pengenalan perkhidmatan digital yang terhubung merupakan faktor utama yang memacu daya saing ekonomi negara maju.”

Sumber :
Malaysia Digital Economy Blueprint


KERANGKA PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 -2030

VISI	PENDIGITALAN JTM MEMACU MODAL INSAN TERBILANG BERTARAF GLOBAL					
MISI	MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERDAYA SAING DAN DINAMIK DENGAN MENGUASAI KEMAHIRAN DIGITAL BAGI MENDEPANI CABARAN PEKERJAAN MASA HADAPAN					
TERAS	PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN	PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL	PEMERKASAAN TADBIR URUS PENDIGITALAN BERSEPADU	PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL YANG EFISIEN DAN SELAMAT		
KEBERHASILAN	Melahirkan modal insan yang berkemahiran dan mempunyai bakat digital yang terkini	Meningkatkan kualiti latihan menerusi transformasi digital	Memperkasa tadbir urus yang produktif dan efisien melalui inisiatif pendigitalan	Meningkatkan persekitaran siber fizikal yang selamat dan kondusif		
STRATEGI	S1.1 Pemantapan modal insan melalui kompetensi digital S1.2 Perluasan manfaat kemahiran digital melalui jalinan kerjasama S1.3 Pembudayaan penggunaan teknologi digital dalam pembangunan modal insan	S2.1 Pengukuhan pengurusan latihan dan penyelarasan sumber digital S2.2 Pemantapan kandungan bahan latihan melalui pendigitalan S2.3 Peningkatan kecekapan sumber melalui pendigitalan bersepadu S2.4 Pemanfaatan inisiatif pendigitalan melalui kerjasama strategik	S3.1 Pengukuhan tadbir urus pendigitalan S3.2 Pembangunan polisi dan prosedur pendigitalan	S4.1 Peningkatan keupayaan infrastruktur digital S4.2 Peningkatan keupayaan perkakasan dan perisian ICT S4.3 Pemantapan infrastruktur ICT yang menyokong penyampaian perkhidmatan S4.4 Pengukuhan tahap keselamatan ICT		
PELAJAR	PENGAJAR	KEPIMPINAN	INFRASTRUKTUR	INFOSTRUKTUR	KANDUNGAN DIGITAL	KOLABORASI

RINGKASAN KPI KERANGKA PELAN PENDIGITALAN JTM



7 FOKUS HALA TUJU PENDIGITALAN JTM

PELAJAR	PENGAJAR	KEPIMPINAN	INFRASTRUKTUR	INFOSTRUKTUR	KANDUNGAN DIGITAL	KOLABORASI
						
400 kursus digital baharu 100% pelajar celik digital 30% penawaran kursus KJP bidang digital Modul keusahawanan digital terkini dan diperakui MDEC 400 projek inovasi digital dibangunkan	100% tenaga pengajar kompeten digital 25% tenaga pengajar tahap tertinggi bidang kemahiran TVET digital JTM 10% tenaga pengajar memiliki persijilan profesional bidang kemahiran TVET digital JTM	200 program pembudayaan pendigitalan JTM 100% pengurusan tertinggi JTM cakna digital	100% liputan kampus ILJTM tanpa wayar dengan capaian jalur lebar berkelajuan tinggi Perkakasan dan perisian ICT terkini 34 makmal komputer ILJTM dinaik taraf dengan fasiliti <i>digital classroom</i> Meningkatkan keupayaan SOC ILP Kuala Langat dalam pemantauan keselamatan rangkaian keseluruhan keseluruhan ILJTM	166 inisiatif menggunakan kecerdasan buatan (<i>artificial intelligence</i>) dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan 6 perkhidmatan menggunakan terimaaan dalam talian Pelan Strategik Pendigitalan JTM 2026 - 2030 dan <i>Enterprise Architecture (EA)</i> 2 Garis Panduan berkaitan Perkongsian Data dan Perkhidmatan JTM serta Pengurusan Aplikasi JTM 1 Pelan pemulihan bencana JTM	Penggunaan Sistem Pengurusan Kampus dan Latihan JiMS di 33 ILJTM eWIM bagi setiap program 700 bahan pembelajaran interaktif e-learning dibangunkan 4000 bahan digital tersedia dalam JiMS 30% latihan teori secara <i>e-learning</i> 25 <i>courseware e-learning</i> dibangunkan 30 aplikasi sistem digital dibangunkan	6 kerjasama strategik berkaitan manfaat kemahiran digital, peralatan dan prasarana latihan dengan pihak industri 20 program kolaborasi bersama agensi berkaitan perkongsian data raya 14 bilangan program kolaborasi bersama perkhidmatan tersedia sektor awam 30 aplikasi dihoskan di pengkomputeran awan sektor awam

3. TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN JTM

Teras Strategik Pendigitalan merupakan teras pendigitalan utama kepada JTM dalam menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan program dan aktiviti pendigitalan bagi menyokong bisnes utama JTM. Empat Teras Strategik Pendigitalan yang telah dikenalpasti untuk memacu hala tuju pendigitalan selaras dengan Visi dan Misi Pelan Pendigitalan JTM.

BIL.	TERAS STRATEGIK	KEBERHASILAN
1	PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN	Melahirkan modal insan yang berkemahiran dan mempunyai bakat digital yang terkini
2	PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL	Meningkatkan kualiti latihan menerusi transformasi digital
3	PEMERKASAAN TADBIR URUS PENDIGITALAN BERSEPADU	Memperkasa tadbir urus yang produktif dan efisien melalui inisiatif pendigitalan
4	PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL YANG EFISIEN DAN SELAMAT	Meningkatkan persekitaran siber fizikal yang selamat dan kondusif





TERAS STRATEGIK



PEMERKASAAN KOMPETENSI
DIGITAL MODAL INSAN MELALUI
EKOSISTEM PENDIGITALAN

S1

Pemantapan modal insan
melalui kompetensi digital

Perluasan manfaat kemahiran
digital melalui jalinan kerjasama

S2

S3

Pembudayaan penggunaan teknologi
digital dalam pembangunan modal insan

“

Membangunkan bakat digital
tersedia masa hadapan yang
dilengkapi sepenuhnya dengan
kemahiran yang diperlukan
untuk berdaya tahan dalam
pasaran kerja yang sentiasa
berubah

”

Sumber :
Malaysia Digital Economy Blueprint



TERAS STRATEGIK

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

T2

S1

Pengukuhan pengurusan latihan
dan penyelarasan sumber digital

Pemantapan kandungan bahan
latihan melalui pendigitalan

S2

S3

Peningkatan kecekapan sumber
melalui pendigitalan bersepadu

Pemanfaatan inisiatif pendigitalan
melalui kerjasama strategik

S4

“

Membina persekitaran
digital yang dipercayai,
selamat dan beretika
melibatkan bukan sahaja
perkakasan tetapi juga
rakyat dan institusi.

”

Sumber :
Malaysia Digital Economy Blueprint



TERAS STRATEGIK



PEMERKASAAN TADBIR URUS PENDIGITALAN BERSEPADU

S1

Pengukuhan tadbir urus
pendigitalan

Pembangunan polisi dan
prosedur pendigitalan

S2

“

Dalam masyarakat digital yang inklusif, setiap individu akan berupaya menerima guna dan mengintegrasikan teknologi digital dalam kehidupan mereka.

”

Sumber:
Malaysia Digital Economy Blueprint



TERAS STRATEGIK

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR
DIGITAL YANG EFISIEN DAN SELAMAT

T4

S1

Peningkatan keupayaan infrastruktur
digital

Peningkatan keupayaan perkakasan
dan perisian ICT

S2

S3


Pemantapan infrastruktur ICT yang
menyokong penyampaian
perkhidmatan

Pengukuhan tahap keselamatan
ICT

S4

“
Membina Infrastruktur
digital yang menyokong
adalah penting untuk
melonjakkan kemajuan
ekonomi digital.
”


Sumber :
Malaysia Digital Economy Blueprint



4. PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 - 2030 DENGAN TERAS PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM (PSPSA) 2021 - 2025 DAN TERAS PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (PSP KSM) 2021 - 2025




PENJAJARAN TERAS PENDIGITALAN JTM DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM



Sumber: Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025


Pautan : <https://www.jdn.gov.my/wp-content/uploads/2024/05/PELAN-STRATEGIK-PENDIGITALAN-SEKTOR-AWAM-2021.pdf>

PENJAJARAN TERAS PENDIGITALAN JTM DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA




Sumber: Pelan Strategik Pendigitalan KSM 2021 - 2025
Pautan : <https://www.mohr.gov.my/ebook/PSP/files/basic-html/page4.html>

5. PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PELAN PENDIGITALAN JTM 2025 - 2030 DENGAN TERAS PELAN STRATEGIK JTM 2021 - 2025 KAJIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK JTM 2021 - 2030



6. STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Berpandukan empat Teras Strategik Pendigitalan yang dibentuk, 13 strategi dan 24 program serta 52 petunjuk prestasi utama pendigitalan telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan pendigitalan JTM bagi kecemerlangan keterampilan modal insan dalam persekitaran digital terkini.



TERAS 1

**PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL
INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN**

TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 1

Pemantapan modal insan melalui kompetensi digital

PROGRAM 1 Pembangunan personel kemahiran TVET digital JTM

KPI 1

Bilangan pengajar mendapat kursus / latihan modul pendigitalan

PEMILIK KPI:
BPK

SASARAN

2025 : 10 orang / ILJTM
2026 : 10 orang / ILJTM
2027 : 10 orang / ILJTM
2028 : 10 orang / ILJTM
2029 : 10 orang / ILJTM
2030 : 10 orang / ILJTM

KPI 2

Bilangan pengajar yang memiliki Pensijilan Kemahiran Malaysia di peringkat tertinggi (sekurang-kurangnya tahap 5) yang mempunyai elemen kemahiran TVET digital JTM

PEMILIK KPI:
BPK / PENERUSI JKK

SASARAN

(Pencalonan oleh Pengerusi JKK)
2025 : 100 orang / JTM
2026 : 100 orang / JTM
2027 : 100 orang / JTM
2028 : 100 orang / JTM
2029 : 100 orang / JTM
2030 : 100 orang / JTM

KPI 3

Bilangan pengajar yang memiliki persijilan profesional dalam bidang kemahiran TVET digital JTM

PEMILIK KPI:
BPK

SASARAN

2025 : 40 orang / JTM
2026 : 40 orang / JTM
2027 : 40 orang / JTM
2028 : 40 orang / JTM
2029 : 40 orang / JTM
2030 : 40 orang / JTM

TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 1

Pemantapan modal insan melalui kompetensi digital

PROGRAM 2 Pembangunan bakat digital TVET

KPI 4

Bilangan penawaran kursus baharu sepenuh masa atau separuh masa dalam bidang kemahiran TVET digital JTM

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 2 kursus / ILJTM
2026 : 2 kursus / ILJTM
2027 : 2 kursus / ILJTM
2028 : 2 kursus / ILJTM
2029 : 2 kursus / ILJTM
2030 : 2 kursus / ILJTM

KPI 5

Peratus keluaran pelajar sepenuh masa menghadiri program peningkatan latihan dalam bidang kemahiran asas / generik digital

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 100%
2026 : 100%
2027 : 100%
2028 : 100%
2029 : 100%
2030 : 100%

KPI 6

Peratus penyertaan peserta KJP dalam bidang kemahiran TVET digital JTM

PEMILIK KPI:
ILJTM / UJI

SASARAN

2025 : 10%
2026 : 10%
2027 : 15%
2028 : 20%
2029 : 25%
2030 : 30%

*peratusan merujuk kepada sasaran peserta KJP tahunan

TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 1

Pemantapan modal insan melalui kompetensi digital



PROGRAM 3 Pemantapan bakat digital yang berdaya saing

KPI 7

Bilangan semakan kurikulum modul berkaitan keusahawanan digital

PEMILIK KPI:
BKT

SASARAN

2025 : 1 kali / JTM
2026 : 1 kali / JTM
2027 : 1 kali / JTM
2028 : 1 kali / JTM
2029 : 1 kali / JTM
2030 : 1 kali / JTM

KPI 8

Bilangan projek inovasi berasaskan digital dibangunkan

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC
2026 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC
2027 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC
2028 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC
2029 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC
2030 : 1 projek / ILP ; 5 projek / JMTI, ADTEC



TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 2

Perluasan manfaat kemahiran digital melalui jalinan kerjasama



PROGRAM 1 Perluasan kolaborasi strategik dalam bidang digital

KPI 9

Bilangan kerjasama berkaitan kemahiran digital, peralatan atau prasarana latihan yang dibiayai atau dimanfaatkan melalui kerjasama dengan rakan strategik (industri)

PEMILIK KPI:
ILJTM / UJI

SASARAN

2025: 1 kerjasama / JTM
2026: 1 kerjasama / JTM
2027: 1 kerjasama / JTM
2028: 1 kerjasama / JTM
2029: 1 kerjasama / JTM
2030: 1 kerjasama / JTM



TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 3

Pembudayaan penggunaan teknologi digital dalam pembangunan modal insan

PROGRAM 1 Penerapan pembudayaan pendigitalan kepada warga JTM dan komuniti sekitar

KPI 10

Bilangan hebahan / promosi program atau aktiviti yang berkaitan Pelan Pendigitalan JTM kepada pelanggan

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 1 hebahan / bulan / ILJTM
2026 : 1 hebahan / bulan / ILJTM
2027 : 1 hebahan / bulan / ILJTM
2028 : 1 hebahan / bulan / ILJTM
2029 : 1 hebahan / bulan / ILJTM
2030 : 1 hebahan / bulan / ILJTM

KPI 11

Bilangan program penyampaian maklumat Pelan Pendigitalan JTM kepada ILJTM

PEMILIK KPI:
BKT

SASARAN

2025 : 6 kali / JTM
2026 : -
2027 : -
2028 : -
2029 : -
2030 : -

KPI 12

Bilangan program pembudayaan pendigitalan kepada warga JTM dan komuniti

PEMILIK KPI:
BKP / ILJTM

SASARAN

2025 : 1 kali / ILJTM
2026 : 1 kali / ILJTM
2027 : 1 kali / ILJTM
2028 : 1 kali / ILJTM
2029 : 1 kali / ILJTM
2030 : 1 kali / ILJTM

TERAS 1

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 3

Pembudayaan penggunaan teknologi digital dalam pembangunan modal insan

PROGRAM 1 Penerapan pembudayaan pendigitalan kepada warga JTM dan komuniti sekitar

KPI 13

Bilangan kursus kepimpinan digital kepada pengurusan tertinggi JTM dan ILJTM

PEMILIK KPI:
BKP

SASARAN

2025 : 1 kursus / JTM
2026 : 1 kursus / JTM
2027 : 1 kursus / JTM
2028 : 1 kursus / JTM
2029 : 1 kursus / JTM
2030 : 1 kursus / JTM

KPI 14

Bilangan program perkongsian kepakaran / *technology update* berkaitan pendigitalan kepada pengajar

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 1 program / ILJTM
2026 : 1 program / ILJTM
2027 : 1 program / ILJTM
2028 : 1 program / ILJTM
2029 : 1 program / ILJTM
2030 : 1 program / ILJTM

PROGRAM DAN AKTIVITI PENDIGITALAN TERAS 1

TERAS 1 : PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 1 : Pemantapan modal insan melalui kompetensi digital

Pembangunan kompetensi dan pembudayaan pendigitalan merujuk kepada proses memupuk, melatih, dan memperkasakan modal insan JTM dan ILJTM untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam persekitaran digital. Dalam landskap digital yang berkembang pesat hari ini, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk profesional yang memiliki set pelbagai kemahiran digital merentas pelbagai domain seperti teknologi, analisis data, pemasaran digital, keselamatan siber dan banyak lagi. Oleh itu, Jabatan telah merangka beberapa program seperti berikut bagi memantapkan lagi kompetensi digital di kalangan warga JTM dan ILJTM

PROGRAM 1

Pembangunan personel kemahiran TVET digital JTM

- Memastikan personel ILJTM memperoleh pensijilan modul pendigitalan
- Menambah bilangan personel Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam bidang kemahiran TVET digital JTM
- Menambah bilangan pengajar yang memiliki pensijilan profesional teknikal bidang TVET digital JTM

PROGRAM 2

Pembangunan bakat digital TVET

- Mewujudkan kursus teknologi baharu dalam bidang pendigitalan di ILJTM untuk ditawarkan kepada bakat digital TVET
- Mempersiapkan para pelajar dengan ilmu dan kemahiran berkaitan teknologi baharu untuk menghadapi persaingan dunia pekerjaan
- Peningkatan kemahiran pekerja dan pencari kerja dalam landskap baharu industri

PROGRAM 3

Pemantapan bakat digital yang berdaya saing

- Memastikan silibus berkaitan digital di ILJTM relevan dengan keperluan semasa industri/majikan
- Mengadaptasi teknologi dan peralatan digital dalam projek pelajar bagi menambah daya saing dan persediaan pekerjaan

AKTIVITI P1

- 01 Membangunkan daftar senarai bidang kemahiran TVET digital JTM
- 02 Analisa Keperluan Latihan (*Training Need Analysis* (TNA)) Kemahiran TVET digital JTM
- 03 Pelan Operasi Latihan (POL) Tahunan Pembangunan Kompetensi TVET digital JTM. Cadangan oleh JKK

AKTIVITI P2

- 01 Mewujudkan kursus-kursus dalam bidang teknologi baharu (*New Emerging Technologies*) selaras dengan dasar pendigitalan semasa
- 02 Menyediakan kursus atau latihan bagi peningkatan kemahiran asas / generik digital kepada pelajar keluaran
- 03 Promosi tawaran kursus KJP dalam bidang TVET digital JTM

AKTIVITI P3

- 01 Bengkel semakan kurikulum subjek dan modul berkaitan keusahawanan digital yang terdapat di ILJTM : *Digital Entrepreneurship, eCommerce Entrepreneurship* dan lain-lain keperluan berkaitan
- 02 Mengintegrasikan elemen pendigitalan dalam pembangunan PTA dan bahan pengajaran di peringkat Institut

TERAS 1: PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 2 : Perluasan manfaat kemahiran digital melalui jalinan kerjasama

Antara elemen yang penting dalam menjayakan objektif digitalisasi ini adalah melalui kerjasama strategik di antara JTM dan ILJTM dengan penyedia teknologi dan pemain industri. Kerjasama ini bertujuan untuk menangani jurang kemahiran, meningkatkan keupayaan tenaga kerja, menyesuaikan diri dengan permintaan pasaran kerja dan teknologi semasa serta dapat meningkatkan kualiti latihan di ILJTM melalui pembiayaan latihan kemahiran digital, perkongsian teknologi, peralatan dan prasarana. Salah satu sasaran Jabatan melalui kerjasama ini adalah berkaitan pembiayaan atau tajaan pihak industri/agensi terhadap latihan-latihan berkaitan digital yang dilaksanakan di ILJTM untuk meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada atau melatih bakal pekerja masa depan

PROGRAM 1

Perluasan kolaborasi strategik dalam bidang digital

- Mewujudkan rangkaian kerjasama bagi melatih bakat digital ILJTM dalam penggunaan teknologi baharu melalui pembiayaan latihan kemahiran, perkongsian teknologi, peralatan dan prasarana latihan yang digunakan oleh industri untuk menghadapi saingan alam pekerjaan

AKTIVITI P1

01

Kenal pasti rakan strategik berkaitan

02

Membina jalinan kolaborasi dengan pihak berkaitan

Contoh :

- Kerjasama antara JTM dengan syarikat ABCDEFGH dalam melaksanakan latihan dalam teknologi dron
- Kerjasama dengan MDEC dalam melaksanakan latihan keusahawanan digital kepada pelajar

TERAS 1: PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL MODAL INSAN MELALUI EKOSISTEM PENDIGITALAN

STRATEGI 3 : Pembudayaan penggunaan teknologi digital dalam pembangunan modal insan

Membudayakan penggunaan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif, dan beretika dalam penyampaian perkhidmatan di kalangan warga JTM dan ILJTM yang terdiri daripada pengurusan atasan, pengajar dan pelajar melalui aktiviti penyampaian maklumat dan promosi kepada masyarakat terutama komuniti sekitar

PROGRAM 1

Penerapan pembudayaan pendigitalan kepada warga JTM dan komuniti sekitar

- Menyebarluaskan maklumat usaha pendigitalan JTM dan ILJTM kepada warga dan pelanggan
- Memantapkan pemahaman warga JTM dan ILJTM terhadap pelaksanaan Pelan Pendigitalan JTM
- Mewujudkan kesedaran dan penghayatan warga tentang inisiatif transformasi digital Jabatan
- Melengkapkan pengurusan atasan JTM dengan pengetahuan, kemahiran dan pemikiran yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan dalam persekitaran digital
- Memastikan pengajar terus mendapat pendedahan kepada perubahan teknologi semasa dengan kerjasama syarikat berkaitan teknologi yang bekerjasama dengan JTM dan ILJTM

AKTIVITI P1

01 Muat naik Pelan Pendigitalan ke dalam portal JTM dan ILJTM. Hebahan berkaitan Pelan Pendigitalan JTM melalui e-mel dan media sosial JTM dan ILJTM

02 Jerayawara ke ILJTM bagi pemahaman KPI, program dan aktiviti Pelan Pendigitalan JTM

03 Janaan e-sijil Kehadiran ke Perhimpunan Bulanan bagi Majlis Peluncuran / Program Penyampaian Maklumat Pelan Pendigitalan JTM di JTM dan ILJTM

04 Latihan atau kursus kepimpinan digital kepada Pengurusan Tertinggi JTM dan ILJTM

05 Lawatan dan rundingan dengan industri. Perkongsian kepakaran, peralatan dan mesin dengan agensi luar

TERAS 2

**PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN
MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL**

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 1

Penguatan pengurusan latihan dan
penyelarasan sumber digital**PROGRAM 1** Pembangunan sistem pengurusan latihan
kemahiran JTM**KPI 1**Peratus siap
pembangunan
sistem JiMS**PEMILIK KPI:**
BKT / BKP / BPL
UJI / BPK / ILJTM**SASARAN**2025 : 100%
2026: -
2027: -
2028: -
2029: -
2030: -

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 1

Penguatan pengurusan latihan dan
penyelarasan sumber digital**PROGRAM 2** Pembangunan garis panduan standard
kandungan PdP digital JTM**KPI 2**Peratus siap garis
panduan penetapan
standard kandungan
bahan PdP digital**PEMILIK KPI:****BKT****SASARAN**2025 : 100%
2026: -
2027: -
2028: -
2029: -
2030: -

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 2

Pemantapan kandungan bahan latihan melalui pendigitalan

PROGRAM 1 Pembangunan bahan PdP digital berkualiti

KPI 3

Peratus pendigitalan WIM bagi setiap program (eWIM)

PEMILIK KPI:
BKT

SASARAN

2025 : 40%
2026 : 80%
2027 : 100%
2028 : -
2029 : -
2030 : -

KPI 4

Bilangan bahan pembelajaran interaktif *e-learning* baharu dibangunkan

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 2 bahan / ILJTM
2026 : 3 bahan / ILJTM
2027 : 3 bahan / ILJTM
2028 : 4 bahan / ILJTM
2029 : 4 bahan / ILJTM
2030 : 5 bahan / ILJTM

KPI 5

Bilangan bahan digital baharu dipautkan atau dihoskan ke dalam platform pembelajaran digital

PEMILIK KPI:
BKT

SASARAN

2025 : 20 bahan / ILJTM
2026 : 20 bahan / ILJTM
2027 : 20 bahan / ILJTM
2028 : 20 bahan / ILJTM
2029 : 20 bahan / ILJTM
2030 : 20 bahan / ILJTM

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 2

Pemantapan kandungan bahan latihan melalui pendigitalan

PROGRAM 2 Peluasan akses latihan dan ketersediaan sumber latihan digital

KPI 6

Peratus penyampaian dan penilaian latihan teori secara *e-learning*

PEMILIK KPI:
BKT / ILJTM

SASARAN

2025 : 10% / JTM
2026 : 10% / JTM
2027 : 10% / JTM
2028 : 30% / JTM
2029 : 30% / JTM
2030 : 30% / JTM

KPI 7

Bilangan modul digital komponen latihan teori yang tersedia bagi pelaksanaan latihan secara *courseware e-learning* (*emerging technology*)

PEMILIK KPI:
BKT

SASARAN

2025 : -
2026 : 5 modul / JTM
2027 : 10 modul / JTM
2028 : 15 modul / JTM
2029 : 20 modul / JTM
2030 : 25 modul / JTM

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 3

Peningkatan kecekapan sumber melalui pendigitalan bersepadu

PROGRAM 1 Transformasi digital proses kerja melalui pembangunan aplikasi

KPI 8

Bilangan aplikasi sistem digital baharu yang dibangunkan

PEMILIK KPI:
ILJTM

SASARAN

2025 : 5 aplikasi / JTM
2026 : 5 aplikasi / JTM
2027 : 5 aplikasi / JTM
2028 : 5 aplikasi / JTM
2029 : 5 aplikasi / JTM
2030 : 5 aplikasi / JTM

KPI 9

Bilangan laporan analisis yang dikeluarkan melalui aplikasi analitik data

PEMILIK KPI:
BKT / BPP / UJI

SASARAN

2025 : 3 laporan / JTM
2026 : 3 laporan / JTM
2027 : 3 laporan / JTM
2028 : 3 laporan / JTM
2029 : 3 laporan / JTM
2030 : 3 laporan / JTM

TERAS 2

PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 4

Pemanfaatan inisiatif pendigitalan melalui kerjasama strategik

PROGRAM 1 Transformasi digital proses kerja melalui kolaborasi bersama agensi awam

KPI 10

Peratus peningkatan penerimaan akaun amanah KJP melalui pelaksanaan bayaran atas talian

PEMILIK KPI:
BKP

SASARAN

2025 : 20%
2026 : 50%
2027 : 100%
2028 : -
2029 : -
2030 : -

KPI 11

Bilangan program kolaborasi bersama agensi berkaitan perkongsian data raya

PEMILIK KPI:
BKP

SASARAN

2025 : 3 program
2026 : 3 program
2027 : 3 program
2028 : 3 program
2029 : 3 program
2030 : 3 program

KPI 12

Bilangan program kolaborasi bersama agensi berkaitan pemanfaatan perkhidmatan tersedia sektor awam

PEMILIK KPI:
BKP

SASARAN

2025 : 1 program
2026 : 2 program
2027 : 2 program
2028 : 3 program
2029 : 3 program
2030 : 3 program

PROGRAM DAN AKTIVITI PENDIGITALAN TERAS 2

TERAS 2: PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 1 : Pengukuhan pengurusan latihan dan penyelarasan sumber digital

Pengukuhan pengurusan latihan dan penyelarasan sumber digital adalah penting untuk memastikan semua program latihan diselaraskan dengan baik dan dijalankan secara efisien. Ini termasuk penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) yang canggih untuk memudahkan penjadualan, penjejakan dan penilaian program latihan. Melalui penyelarasan yang lebih baik, sumber latihan dapat dioptimumkan dan digunakan dengan lebih berkesan

PROGRAM 1

Pembangunan sistem pengurusan latihan kemahiran JTM

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan latihan serta menyediakan platform pembelajaran yang lebih komprehensif dan mudah diakses

PROGRAM 2

Pembangunan garis panduan standard kandungan PdP digital JTM

- Menyediakan rangka kerja yang komprehensif dan sistematik bagi pembangunan kandungan digital untuk pembelajaran

AKTIVITI P1

01 Naik taraf sistem pengurusan latihan kepada **JTM Integrated Management System (JiMS)**

02 Menggunakan sepenuhnya modul-modul yang telah dibangunkan di dalam sistem aplikasi JiMS bagi latihan sepenuh masa dan KJP

AKTIVITI P2

01 Pembentukan **task force** Bahan PdP Digital JTM bagi penetapan Standard Kandungan PdP Digital JTM

02 Pembentukan **task force** untuk keperluan teknikal bagi platform pembelajaran digital, perisian dan peralatan digital yang diperlukan bagi pembangunan kandungan PdP Digital JTM.

03 Lantikan Jawatankuasa Penilaian Bahan Kandungan Digital (semakan berkala)

TERAS 2: PEMANTAPAN SUMBER LATIHAN MENERUSI TRANSFORMASI DIGITAL

STRATEGI 2 : Pemantapan kandungan bahan latihan melalui pendigitalan

Pemantapan kandungan bahan latihan melalui pendigitalan melibatkan transformasi bahan latihan tradisional ke dalam format digital yang lebih interaktif dan mudah diakses. Ini termasuk penggunaan platform **e-learning**, video tutorial dan bahan bacaan digital. Dengan pendigitalan kandungan bahan latihan menjadi lebih menarik dan berkesan dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dan pengajar

PROGRAM 1

Pembangunan bahan PdP digital berkualiti

- Memastikan bahan PdP digital yang dihasilkan memenuhi piawaian yang tinggi dan relevan dengan keperluan pembelajaran masa kini
- Memperbaiki mutu kandungan WIM menggunakan keupayaan **Generative AI** dan analitik data serta membangunkan bahan latihan interaktif menggunakan perisian untuk menghasilkan bahan PdP yang berkualiti
- Memastikan bahan PdP digital yang berkualiti dipautkan ke dalam pelantar pembelajaran digital

PROGRAM 2

Perluasan akses latihan dan ketersediaan sumber latihan digital

- Memperluas akses kepada latihan dan bahan PdP digital kepada lebih ramai pelajar dan tenaga pengajar
- Menyediakan kepelbagaian sumber latihan digital yang diperlukan dalam pelaksanaan latihan komponen teori

AKTIVITI P1

- 01 Perancangan dan pelaksanaan bengkel penggunaan keupayaan **Generative AI** dan data analitik (Chat GPT, AI dll) bagi menghasilkan eWIM yang berkualiti
- 02 Perolehan perisian keupayaan **Generative AI**, data analitik, perisian membangunkan bahan PdP interaktif menggunakan **e-learning authoring tools**
